

Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia
(Entrepreneurial Aptitude Among Students Of Higher Education Institutions In Malaysia)

NORAIN MOD ASRI*, MHD SUHAIMI AHMAD & MD DAUD ISMAIL

ABSTRAK

Dewasa ini, bidang keusahawanan sedang rancak dikembangkan di Malaysia menerusi pendidikan formal. Ini termasuklah usaha memperkasakan ekosistem keusahawanan di semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Namun, yang menjadi persoalannya kini adalah hanya segelintir kecil pelajar sahaja yang dikenalpasti telah menceburkan diri dalam perniagaan walaupun banyak usaha dan sumber kewangan telah dilaburkan oleh pihak universiti dan kementerian. Justeru, kajian ini bakal mengupas isu berkaitan tahap kecenderungan mahasiswa UKM terhadap keusahawanan. Pengumpulan data dilakukan melalui pengedaran borang soal selidik berbentuk soalan tertutup dan skala Likert. Seramai 310 pelajar yang aktif dalam bidang keusahawanan dari pelbagai latar belakang telah dipilih menerusi kaedah '*purposive sampling*'. Dapatan kajian yang dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) secara deskriptif menunjukkan walaupun lebih dua per tiga pelajar berkecenderungan terhadap keusahawanan terutama di kalangan pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, tetapi taburan pelajar adalah tidak sama rata mengikut fakulti. Di samping itu, didapati bilangan pelajar yang mempunyai kecenderungan keusahawanan turut semakin merosot sewaktu semester-semester terakhir pelajar berada di IPT.

Kata kunci: Kecenderungan, Keusahawanan, Analisis deskriptif

ABSTRACT

Today, entrepreneurship is being developed rapidly in Malaysia through formal education. These include the empowerment of entrepreneurial ecosystems in all Institutes of Higher Learning (IPT) in Malaysia. However, the question now is that only a handful of students have been identified to have ventured into the business although many efforts and resources have been invested by universities and ministries. Hence, this study will examine issues related to level of entrepreneurial aptitude among UKM students. Data collection was done through the distribution of questionnaires in the form of closed question and Likert scale. A total of 310 students who are active in entrepreneurship from various backgrounds have been selected through the 'purposive sampling' method. The findings of the study which were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) descriptively shows that although more than two-thirds of students tend to have entrepreneurial aptitude especially among students of the Faculty of Economics and Management, but the distribution of the students is not evenly distributed by the faculty. In addition, the number of students with an en entrepreneurial aptitude is decreasing during their final semesters in IPT.

Keywords: *Aptitude, Entrepreneurship, Descriptive analysis*

PENGENALAN

Masyarakat yang mempunyai ramai usahawan dikatakan sebagai masyarakat yang terbaik (Ab.Aziz, 2003). Ini adalah kerana usahawan merupakan individu yang paling dinamik, kreatif dan inovatif. Dengan lahirnya golongan usahawan ianya akan dapat membangunkan ekonomi wilayah melalui pembentukan syarikat-syarikat perniagaan dan penciptaan peluang-peluang pekerjaan (Kumar dan Somayeh, 2011). Rentetan itu, bidang keusahawanan sedang rancak dikembangkan di Malaysia melalui proses pendidikan formal, selaras dengan usaha untuk menjadikan bidang ini sebagai antara bidang yang diminati ramai. Ini penting kerana aktiviti keusahawanan adalah pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi dan usaha pembinaan kapasiti untuk meningkatkan inovasi, kreativiti, dan daya saing negara (Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Negara, 2011-2015).

Langkah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2016-2020 pula membuktikan betapa kerajaan memandang serius keperluan melahirkan graduan tempatan yang bercirikan keusahawanan yang unggul. Ekosistem keusahawanan di semua IPT di Malaysia sedang dan terus diperkasakan di semua IPT di negara ini dan program-program keusahawanan siswa di bawah kementerian sedia ada bakal diberi nafas baru dan dijenamakan semula sebagai siswaprenuer dan *Siswa in Social Enterprise* (SISE). Antara sasaran penting pelan ini adalah menyasarkan sebanyak 100 peratus penglibatan pelajar dalam program dan aktiviti keusahawanan di samping sasaran penglibatan 15 peratus pelajar dalam aktiviti perniagaan semasa dalam pengajian dan pencapaian 5 peratus graduan menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan menjelang tahun 2020.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sendiri banyak program keusahawanan telah didedahkan kepada para pelajar. Bermula dengan menawarkan kursus jangka pendek oleh beberapa pensyarah pelopor sehingga terbentuknya pusat pembangunan usahawan iaitu Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS (CESMED) pada Oktober 2010. CESMED telah diberikan tanggungjawab khusus dalam program pembangunan keusahawanan di kalangan pelajar UKM di samping usahawan kecil sederhana (EKS) luar. Kursus Keusahawanan dan Inovasi pula telah diperkenalkan di peringkat universiti dan dijadikan satu kursus wajib

ke atas semua pelajar universiti tanpa mengira fakulti dan disiplin pengajian sejak beberapa tahun yang lalu. Kini aktiviti keusahawanan di kalangan pelajar terus berkembang baik dalam bentuk kursus-kursus jangka pendek mahupun sebagai subjek dalam program yang ditawarkan oleh universiti.

Walaupun usaha memberikan ilmu dan pengalaman kepada pelajar telah dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lepas, namun untuk menukar mentaliti para pelajar universiti supaya mempunyai niat, berkecenderungan, meminati dan seterusnya menceburi bidang perniagaan setelah menamatkan pengajian bukanlah suatu yang mudah. Sebahagian besar dari para graduan masih mengharapkan kerja makan gaji sebagai keutamaan dalam kerjaya masa depan mereka. Mereka berpendapat bahawa bidang keusahawanan tidak menjanjikan pendapatan tetap dan ia adalah suatu bidang yang terlalu berisiko tinggi. Selain itu, antara alasan *klise* yang sering kita dengar adalah, tiada pengalaman, tidak minat untuk berniaga, tiada idea untuk memulakan sesuatu perniagaan serta sukar untuk mendapatkan pinjaman. Jelas sekali setelah banyak usaha dilakukan oleh pihak universiti dan banyak pula bantuan kewangan telah disalurkan, namun kejayaannya belum lagi dapat dilihat dengan ketara. Hanya segelintir kecil sahaja yang telah dapat dikenalpasti telah menceburkan diri dalam perniagaan. Ini menimbulkan tanda tanya mengapa senario ini terjadi sedangkan banyak usaha dan sumber kewangan telah dilaburkan.

Justeru, kajian ini akan mengupas isu berkaitan tahap kecenderungan mahasiswa UKM terhadap keusahawanan. Kajian ini penting kepada pembuat dasar untuk mereka mengetahui titik permulaan bagi menggerakkan seseorang ke arah menjadi seorang usahawan atau peniaga. Ini kerana tanpa adanya kecenderungan pelajar ke arah keusahawanan, maka amat sukar bagi pembuat dasar khasnya UKM untuk membentuk usahawan dalam kalangan para graduan. Di samping itu, kajian ini turut memberikan sumbangan yang signifikan kepada bidang keusahawanan dengan mengambilkira lima faktor penting yang mempengaruhi kecenderungan graduan untuk menjadi usahawan iaitu latar belakang diri, motivasi, keyakinan diri, pemilikan ilmu keusahawanan dan peluang serta sokongan yang wujud di persekitaran. Pemilihan sampel pelajar UKM pula membolehkan kita mengetahui impak kurikulum dan ko-kurikulum terhadap mahasiswa di universiti yang turut memfokus kepada bidang keusahawanan seperti UKM.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Dewasa kini, bidang keusahawan menjadi semakin penting dan menarik minat ramai pengkaji untuk menyelidikinya (Davidsson & Wiklund, 2000; Shane & Vekataraman, 2000). Persoalan tentang mengapa sesetengah orang menjadi usahawan pula merupakan antara isu yang sering cuba diungkit oleh pengkaji terdahulu. Namun, bagi menjawab persoalan tersebut, terlebih dahulu ciri seorang usahawan dan bukan usahawan perlu dibezakan dengan jelas.

Umumnya, usahawan adalah seseorang yang menubuhkan dan menguruskan perniagaan atas prinsip memperolehi keuntungan. Mereka berkelakuan inovatif dan menggunakan amalan pengurusan yang strategik bagi mencapai matlamat tersebut (Carland et. al, 1984). Di samping itu, usahawan dapat mengenalpasti dan mengambil peluang di pasaran serta mengembelikan sumber seperti, wang, orang, mesin dan lokasi (Daft, 2003). Hanya setelah konsep usahawan ini difahami, barulah kita boleh menyelusuri faktor-faktor yang mendorong seseorang itu menjadi usahawan.

Kecenderungan Keusahawanan

Mengikut Kamus DBP Edisi 4 (2010), kecenderungan bermaksud keinginan yang kuat untuk melakukan sesuatu. Manakala keusahawanan pula ditakrifkan sebagai kesediaan individu untuk melaksanakan tingkahlaku keusahawanan dan untuk terlibat dalam tindakan keusahawanan iaitu dengan bekerja sendiri, atau untuk mewujudkan perniagaan baru (Dohse & Walter, 2010). Realitinya, terdapat juga yang individu mungkin mempunyai potensi untuk menjadi usahawan tetapi tidak melakukan apa-apa tindakan keusahawanan melainkan bagi mereka yang mempunyai niat (Parnell, Crandell & Menefee, 1995). Lantas, individu yang mempunyai kecenderungan keusahawanan yang tinggi dilihat akan mempamerkan sikap yang lebih positif terhadap risiko dan berdikari (Douglas & Shepherd, 2002).

Namun begitu, jika diselusuri terhadap kajian terdahulu, didapati terdapat beberapa faktor signifikan yang membawa kepada kecenderungan keusahawanan (Greenberger, Sexton, 1988; Naffziger et. al., 1994). Contohnya, Ronstadt (1985) percaya bahawa kebanyakan manusia termasuk seorang usahawan tidak pernah terfikir untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya mereka. Hanya sebilangan kecil daripada usahawan yang mengetahuinya sewaktu

mereka memasuki kolej dan menjadikan keusahawanan sebagai matlamat utama kehidupannya. Manakala Wang dan Wong (2004) membuktikan kecenderungan keusahawanan di kalangan IPTA Singapura adalah tinggi tetapi mereka dihalang oleh pelbagai faktor seperti jantina, persediaan awal dan latar belakang keluarga. Seterusnya untuk kes di Malaysia pula, Ramayah dan Harun (2005) menunjukkan bahawa peratusan pelajar lelaki yang mempunyai kecenderungan untuk menjadi usahawan adalah lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Dapatan mereka ini dilihat bertentangan dengan keputusan kajian Davidsson (1995) serta Tan (1995). Dalam masa yang sama, Ramayah dan Harun (2005) juga mendapati bahawa masa yang lebih lama dihabiskan di kampus tidak meningkatkan kecenderungan keusahawanan yang lebih tinggi walaupun pengetahuan perniagaan mereka meningkat.

Faktor Yang Mempengaruhi Kecenderungan Keusahawanan

Memandangkan kecenderungan keusahawanan penting dalam melahirkan usahawan, maka banyak kajian terdahulu yang telah mengupas faktor penyebab mengapa seseorang berkecenderungan menjadi usahawan. Krintiansen dan Indrati (2004) serta Shay dan Terjensen (2005) menjurus kepada faktor latar belakang seseorang individu untuk menjadi seorang usahawan seperti umur, jantina, pendidikan, latar belakang keluarga dan pengalaman terdahulu. Dapatan ini dilihat menyokong keputusan Kolvereid (1996) dan Krueger (1994). Ini kerana Kolvereid (1996) menegaskan bahawa individu yang mempunyai pengalaman terdahulu dalam kegiatan keusahawanan mempunyai niat keusahawanan yang lebih tinggi berbanding mereka yang tidak mempunyai pengalaman sebelumnya. Manakala Krueger (1994) mendedahkan bahawa mereka yang mempunyai ibu bapa yang merupakan seorang usahawan lebih cenderung kepada keusahawanan.

Seterusnya, Nor Aishah (2002) pula membuktikan bahawa sikap dan kecenderungan keusahawanan banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai hidup seseorang. Tidak semua orang boleh menjadi usahawan yang berjaya sekiranya tidak ada ciri-ciri atau sifat-sifat semulajadi ke arah keusahawanan dalam diri seseorang. Namun, ciri-ciri ini sebenarnya boleh dibentuk. Selain itu, Neck dan Green (2011) mendapati di Norway, seseorang itu menceburi bidang usahawan disebabkan faktor nilai budaya, dorongan keluarga,

ajaran guru di sekolah dan pandangan rakan sebaya. Berkaitan dengan faktor dorongan keluarga, faktor ini turut disokong oleh Green dan Saridakis (2007) serta Shamsul Hana (2012) yang mendapati sokongan keluarga mempengaruhi seseorang untuk bekerja sendiri atau makan gaji. Tetapi, Barringer dan Ireland (2006) pula menjelaskan tiga faktor utama yang mendorong seseorang individu membuat keputusan untuk menjadi usahawan iaitu untuk menjadi bos, untuk meneruskan idea mereka dan untuk mencapai imbuhan kewangan.

Dalam masa yang sama, kecenderungan keusahawanan juga turut dikaitkan dengan faktor motivasi. Perkataan motivasi berasal dari bahasa latin iaitu '*movere*' yang bermaksud untuk bergerak dari keadaan semasa ke keadaan yang lebih baik. Motivasi juga bermaksud kesediaan untuk melakukan sesuatu bagi memenuhi keperluan individu. Namun, dalam konteks keusahawanan, Shane, Locke dan Collins (2012) menyatakan prestasi bergantung kepada motivasi untuk memulakan perniagaan atau menjadi usahawan. Ini kerana faktor motivasi berperanan mempengaruhi usahawan membuat keputusan berkaitan proses keusahawanan (Moy et al., 2001) serta menentukan halatuju, kesungguhan dan ketekunan terhadap tingkahlaku usahawan (Chu et al., 2011). Rentetan itu, Shane, Locke dan Collins (2012) menjelaskan bahawa alasan mengapa sesetengah individu sangat tertarik kepada bidang keusahawanan adalah bertitik tolak daripada motivasi usahawan itu sendiri iaitu seperti motivasi dari sudut kebebasan, cita-cita, matlamat, tenaga dan stamina, personaliti, kemahiran, strategi, dan persekitaran yang akhirnya akan menentukan prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Berkait dengan hubungan motivasi usahawan dan prestasi PKS, Benzing et al. (2005) menerangkan bahawa hubungan tersebut adalah berkait rapat dengan dorongan yang terbit dari ciri-ciri psikologi dan personaliti usahawan itu sendiri. Lantas, motivasi usahawan, sama ada untuk memaksimumkan keuntungan dan pertumbuhan atau pencapaian peribadi merupakan penentu kepada amalan pengurusan strategik dalam PKS (Wang, Walker dan Redmond, 2007). Ini turut disokong oleh Banham (2000) yang membuktikan motivasi usahawan merupakan penentu utama bagi amalan pengurusan strategik dalam PKS. Selain itu, motivasi sebenarnya terbentuk dari sikap seseorang dalam menghadapi situasi kerja di organisasi (Mangkunegara, 2005). Justeru, Marina (2013) mendapati bahawa orang yang pernah menyertai program keusahawanan mempunyai motivasi yang lebih tinggi untuk memulakan usaha mereka sendiri.

Jika diperhalusi terhadap tren dalam tahun-tahun kebelakangan ini, terdapat minat yang

semakin meningkat dalam pendidikan keusahawanan memandangkan hubungannya dengan pembangunan ekonomi serantau melalui usaha baru dan penciptaan lapangan kerja (Kiukumar dan Somayeh, 2011). Peningkatan permintaan terhadap pendidikan keusahawanan ini juga sebenarnya terkesan daripada pandangan bahawa ciri-ciri peribadi (Alvarez dan Jung, 2004) dan kemahiran para usahawan dapat dikembangkan melalui pendidikan (Galloway et al., 2005). Lantas, pendidikan keusahawanan dilihat mampu menghasilkan tingkat keusahawanan yang lebih tinggi (Alvarez dan Jung, 2004) serta meningkatkan niat keusahawanan dan dapat merangsang pengumpulan dan pengetahuan kemahiran (Davey et al, 2011). Oleh itu, pendidikan keusahawanan adalah wajar kerana usahawan sekurang-kurangnya boleh digalakkan, jikapun ianya tidak dapat dibentuk (Zhao et al., 2005). Tambahan pula, para pelajar cenderung untuk mengalihkan pilihan kerja mereka dengan memilih perniagaan kerana keuntungan yang tinggi yang akan dihasilkan melaluinya. Oleh kerana itu, universiti harus menyedari betapa pentingnya mengembangkan potensi keusahawanan (Vyakarnam, 2005), kompetensi (Gibb, 2005), dan memberi tumpuan kepada bagaimana melengkapkan pelajar dengan kemahiran keusahawanan, dan mewujudkan kesedaran keusahawanan sebagai alternatif pekerjaan (Galloway et al., 2005).

Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa pendidikan keusahawanan amat penting dalam membekalkan pelajar dengan ilmu serta membuka minda pelajar untuk memilih kerjaya sebagai usahawan. Dalam masa yang sama, pendidikan keusahawanan juga mengajar seseorang itu untuk mengenal pasti peluang dan berani merebut peluang-peluang yang wujud serta bijak menterjemahkan idea dalam bentuk realiti disamping mampu bertahan dan peka dengan perubahan dan ketidakpastian (Yap, 2002). Manakala Fayolle (2008) pula menekankan tentang kepentingan mewujudkan persekitaran keusahawanan dalam institusi pendidikan. Ia merupakan kunci utama dalam menggalakkan pelajar bersemangat serta menjiwai bidang keusahawanan sejak dalam kampus lagi. Tetapi, walaupun universiti juga merupakan sebuah institusi penasihat perniagaan, namun peranan universiti dilihat masih kurang diperincikan. Hal ini perlu diperbaiki disebabkan menjelaskan persekitaran sesebuah institusi telah terbukti menjadi asas dalam menerokai bidang keusahawanan dan juga pengurusan (Clercq et.al, 2010).

Rentetan itu, atas keyakinan tentang peri pentingnya pendidikan keusahawanan, maka kerajaan Malaysia telah membentuk rangka Pelan

Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) yang menggariskan tentang corak modal insan yang perlu dilahirkan serta ciri keusahawanan yang perlu diterapkan dalam sistem pendidikan. Kerajaan telah memperuntukkan belanjawan yang besar untuk bidang pembangunan dan penyelidikan bagi melahirkan graduan yang benar-benar berkualiti dan berdaya saing, menggalakkan lebih ramai graduan untuk menceburi kursus keusahawanan yang ditawarkan oleh kerajaan serta memperkasa sistem pendidikan dengan memasukkan nilai pembangunan modal insan bagi setiap bidang.

Selain itu, terdapat banyak juga penyelidikan keusahawanan yang memberi tumpuan kepada suasana persekitaran yang dapat mempengaruhi penubuhan firma (Aldrich, 2000) dan peluang-peluang persekitaran keusahawanan Christiansen, (1997). Antaranya Mohd Nor Hidayad (2011) membuktikan bantuan kerajaan seperti kewangan dan kredit, latihan dan pembangunan, perkhidmatan nasihat dan perundingan, pemasaran dan peluang perniagaan, dan sokongan infrastruktur yang disediakan oleh kerajaan dapat membantu meningkatkan minat dan kecenderungan terhadap kerjaya usahawan. Di samping itu, sokongan keusahawanan dan dasar kerajaan yang berkaitan dengan sumber kewangan, pengaruh dan sokongan kerajaan untuk keusahawanan serta peranan dasar kerajaan kepada aktiviti keusahawanan juga didapati berkorelasi dengan kejayaan usahawan di Malaysia (Siti Nor Wardatulaina, 2011). Dapatan ini turut disokong oleh Syarifah Rohaya et al., (2013) yang menunjukkan terdapat enam faktor kritikal penyumbang kepada kejayaan sesebuah perniagaan kedai runcit koperasi di negeri Sarawak iaitu faktor keusahawanan, sokongan, komunikasi, persaingan, susun atur dan pengurusan. Manakala Naffziger, Hornby dan Kuratko (1994) pula menggariskan kepentingan faktor persekitaran perniagaan seperti persaingan, sikap masyarakat terhadap perniagaan baru, kemudahan pinjaman untuk berniaga dan faktor idea perniagaan dalam mempengaruhi kejayaan usahawan. Selanjutnya di peringkat pelajar universiti pula, didapati pendidikan dan faktor sokongan struktur dari pelbagai sektor dalam sesebuah negara itu mampu memberi kesan kepada kecenderungan keusahawanan di Turki (Turker dan Selcuk, 2009).

Namun begitu, berkaitan dengan keyakinan keusahawanan pula, Davidsson (1995) membuktikan penentu utama kecenderungan keusahawanan di Sweden ialah keyakinan diri individu bahawa karier sebagai usahawan adalah alternatif yang sesuai dengannya. Dapatan ini turut menggambarkan bahawa keyakinan diri adalah penentu utama kepada kecenderungan


keusahawanan dan ia sama dengan konsep "*perceived self-efficiency*" yang telah dinyatakan secara teoritikal oleh (Boyd dan Vozikis, 1994; Krueger dan Brazael, 1994) dan empirikal terhadap kecenderungan dan gelagat keusahawanan (Scherer et al., 1989). Tambahan lagi, Davidsson (1995) turut menegaskan pemboleh ubah keyakinan (yang juga merupakan antara faktor ekonomi-psikologi) paling dominan mempengaruhi kecenderungan seseorang ke arah keusahawanan. Akhir sekali, keperluan kepada pencapaian dan kuasa autonomi turut dikenalpasti mempengaruhi keyakinan keusahawanan seseorang.

RANGKA KONSEPTUAL

Paparan di Rajah 1 berikut menunjukkan terdapat 5 faktor yang dikaitkan dengan kecenderungan keusahawanan. Justeru, berdasarkan model tersebut, kajian ini mencadangkan 5 hipotesis seperti di bawah.

- H1: Kecenderungan keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan latarbelakang pelajar.
- H2: Kecenderungan keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor motivasi yang mana pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi akan lebih berkemungkinan untuk cenderung kepada keusahawanan.
- H3: Kecenderungan keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan keyakinan diri yang mana pelajar yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi akan lebih berkemungkinan untuk cenderung kepada keusahawanan.
- H4: Kecenderungan keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tanggapan tentang ilmu keusahawanan yang dimiliki yang mana pelajar yang mempunyai tanggapan tentang ilmu keusahawanan yang tinggi akan lebih berkemungkinan untuk cenderung kepada keusahawanan.
- H5: Kecenderungan keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tanggapan terhadap peluang-peluang di persekitaran dan sokongan pihak kerajaan yang mana pelajar yang mempunyai tanggapan positif terhadap peluang dan sokongan yang tinggi akan lebih berkemungkinan untuk cenderung kepada keusahawanan.

RAJAH 1. Faktor yang mempengaruhi kecenderungan keusahawanan



METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan rekabentuk pluralistik yang dimulai dengan penerokaan terhadap literatur terdahulu, diikuti oleh penelitian terhadap maklumat sekunder serta menjalankan temubual mendalam dengan individu-individu yang bergiat cergas dalam bidang keusahawanan di universiti. Akhir sekali ia disusuli dengan rekabentuk deskriptif menerusi penggunaan soalselidik dengan soalan berstruktur.

Soalan berstruktur dipecahkan kepada 6 bahagian. Bahagian A adalah soalan yang berkaitan tentang kecenderungan keusahawanan di kalangan graduan dengan data berskala nominal. Bahagian B, C, D dan E pula terdiri daripada soalan mengenai faktor yang dikaitkan dengan kecenderungan keusahawanan iaitu motivasi, keyakinan diri, tanggapan tentang ilmu keusahawanan yang dimiliki dan tanggapan terhadap peluang-peluang perniagaan yang wujud. Manakala bahagian F adalah berkaitan profil responden. Di samping itu, skala Likert 5 poin telah digunakan bagi mengukur pemboleh ubah yang berkaitan dengan faktor kecenderungan usahawan yang telah dikenalpasti sewaktu kajian literatur dilakukan.

Kaedah '*purposive sampling*' telah digunakan untuk memilih responden kerana mengambil kira

kepelbagaian yang terdapat pada ciri-ciri pelajar di universiti. Sejumlah 310 pelajar aktif dalam bidang keusahawanan dari pelbagai latar belakang telah dipilih bagi kajian ini. Pengutipan data dibuat secara temubual bersemuka dan '*drop-off*' iaitu dengan meninggalkan borang soal selidik kepada responden dan mengambil borang soal selidik yang telah dijawab kemudiannya. Data mentah yang dikutip diproses menggunakan perisian SPSS. Analisis deskriptif dan ukuran kecenderungan memusat digunakan untuk menjelaskan tentang ciri-ciri responden dan tahap kecenderungan keusahawanan serta faktor-faktor yang berkaitan dengan kecenderungan keusahawanan. Analisis perhubungan dan perbezaan digunakan bagi mendalami lagi hasil kajian.

KEPUTUSAN EMPIRIKAL DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Jadual 1 menunjukkan taburan latar belakang bagi 310 orang responden. Cerapan terhadap ciri demografi menunjukkan kebanyakan responden terdiri daripada pelajar perempuan (63.2%), berumur 21 hingga 23

JADUAL 1. Profil Responden

Pembolehubah demografi		Saiz sampel (n=310)	
		Bilangan responden	%
Jantina	Lelaki	114	36.8
	Perempuan	196	63.2
Umur	18-20 tahun	41	13.2
	21-23 tahun	214	69.0
	24-27 tahun	50	16.1
	28-30 tahun	5	1.6
Bangsa	Melayu	228	73.5
	Cina	56	18.1
	India	21	6.8
	Lain – lain	5	1.6
Agama	Buddha	40	12.9
	Hindu	15	4.8
	Islam	236	76.1
	Kristian	19	6.1
Fakulti	FEP	82	26.5
	FST	53	17.1
	FKAB	47	15.2
	FTSM	22	7.1
	FSSK	62	20.0
	FPI	44	14.2
Bilangan semester	1 hingga 3	113	36.4
	4 hingga 6	112	54.8
	7 hingga 9	25	8.8
Bidang pengajian	Sains Tulen	128	41.3
	Sastera/Sains sosial	75	24.2
	Perniagaan/perakaunan/ekonomi	78	25.2
	Lain lain (Pengajian Islam)	29	9.4
Pengalaman 1 (Ibu bapa terlibat dalam bidang perniagaan)	Ya	122	39.4
	Tidak	188	60.6
Pengalaman 2 (Pernah terlibat dalam perniagaan sebelum ini)	Ya	127	41.0
	Tidak	183	59.0
Pengalaman 3 (Pernah menghadiri kursus-kursus keusahawanan)	Ya	162	52.3
	Tidak	148	47.7
Pengalaman 4 (Pernah bekerja makan gaji sebelum ini)	Ya	147	47.4
	Tidak	163	52.6

tahun (69%), berbangsa Melayu (73.5%), pelajar bagi semester 4 hingga 6 (54.8%) dan pelajar dari aliran sains tulen (41.3%).

Manakala dari segi pengalaman pula, kebanyakan responden tidak mempunyai ibu bapa yang terlibat dalam perniagaan (60.6%), responden tidak pernah terlibat dalam perniagaan sebelum ini (59%), pernah menghadiri kursus keusahawanan (52.3%) dan tidak pernah bekerja makan gaji sebelum ini (52.6%). Seperkara yang menarik di sini adalah walaupun ramai responden belum pernah secara aktif terlibat dalam perniagaan, namun mereka telah mengambil inisiatif untuk mendalami bidang keusahawanan menerusi kursus yang ditawarkan.

Kecenderungan Keusahawanan Pelajar

Daripada 310 responden, berdasarkan Jadual 5 didapati lebih ramai pelajar (68.1%) yang

mempunyai kecenderungan keusahawanan berbanding bilangan pelajar yang tidak mempunyai kecenderungan keusahawanan (31.9%). Lantas, selaku penyedia perkhidmatan, pihak universiti dilihat boleh berbangga dengan peratusan yang agak tinggi bagi pelajar yang berkecenderungan tersebut. Namun begitu, apabila diperhalusi hubungan antara latar belakang responden dengan kecenderungan keusahawanan seperti yang tertera di Jadual 2, didapati hanya pemboleh ubah fakulti pengajian, bilangan semester pengajian dan pengalaman perniagaan yang dimiliki oleh mahasiswa sebelum ini sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan keusahawanan memandangkan ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut signifikan pada aras keertian kurang daripada 5 peratus ($\alpha=0.05$).

JADUAL 2. Keputusan ujian chi-square bagi hubungan antara kecenderungan keusahawanan dengan profil/latar belakang responden

Pemboleh ubah	<i>Asymp Sig. (2-sided)</i>
Jantina	.722
Umur	.136
Bangsa	.953
Agama	.596
Fakulti	.000
Bilangan semester	.006
Pengalaman 1: Ibumama seorang peniaga	.323
Pengalaman 2: Mempunyai pengalaman dalam perniagaan	.018
Pengalaman 3: Pernah menghadiri kursus-kursus keusahawanan	.858
Pengalaman 3: Pernah bekerja makan gaji sebelum ini	.989

Walaupun pemboleh ubah jantina dilihat tidak signifikan, tetapi keputusan ini sebenarnya menyokong dapatan Davidson (1995) dan menolak penemuan oleh Ramayah dan Harun (2005) yang mana mereka menyatakan lelaki mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi berbanding perempuan. Dalam masa yang sama, andaian yang biasa melekat di minda ramai bahawa bangsa Cina lebih berkecenderungan menjadi usahawan berbanding dengan bangsa-bangsa lain, turut ditolak oleh penemuan kajian ini. Mungkin dalam konteks yang luas bangsa Cina mempunyai kecenderungan keusahawanan yang lebih tinggi tapi bukan dalam konteks pelajar Cina di IPT. Begitu juga dengan

faktor ibu bapa yang berniaga yang terbukti tidak signifikan, lantas ia mencerminkan anak-anak yang lahir dalam keluarga yang berniaga tidak semestinya berkecenderungan untuk menceburi bidang perniagaan/keusahawanan.

Seterusnya, dalam konteks fakulti pula seperti yang dipaparkan di Jadual 3, didapati peratusan pelajar dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan yang cenderung terhadap keusahawanan adalah yang tertinggi diikuti oleh pelajar Fakulti Teknologi Sains Maklumat (FTSM). Peratusan yang agak tinggi bagi FTSM ini mungkin selari dengan kerancakan e-dagang dan perbankan internet dewasa ini yang memberi

kelebihan kepada pelajar FTSM untuk menjadi usahawan secara atas talian kelak. Sebaliknya, pelajar dari Fakulti Sains Teknologi (FST) dilihat lebih ramai yang tidak berkecenderungan berbanding dengan yang cenderung terhadap keusahawanan. Senario ini perlu diberi perhatian kerana kebanyakan produk dan perkhidmatan

dalam era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) diinovasikan oleh golongan dari bidang sains dan teknologi, lantas mereka perlu diterapkan dengan kecenderungan keusahawanan agar produk dan perkhidmatan mereka mampu menembusi pasaran dan menyokong IR 4.0.

JADUAL 3. Kecenderung terhadap keusahawanan mengikut fakulti

Kecenderungan keusahawanan	Fakulti					
	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP)	Fakulti Sains Teknologi (FST)	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB)	Fakulti Teknologi Sains Maklumat (FTSM)	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)	Fakulti Pengajian Islam (FPI)
Cenderung	82.9%	45.3%	63.8%	77.3%	69.4%	65.9%
Tidak cenderung	17.1%	54.7%	36.2%	22.7%	30.6%	34.1%

JADUAL 4. Kecenderungan keusahawanan mengikut bilangan semester berada di universiti

Kecenderungan keusahawanan	Bilangan semester di universiti			Jumlah (%)
	1 hingga 3	4 hingga 6	7 hingga 9	
Cenderung	64.6%	73.5%	48.1%	68.1
Tidak cenderung	35.4%	26.5%	51.9%	31.9
Jumlah (N)	113	170	27	310

Manakala Jadual 4 menunjukkan tren yang agak mengejutkan di mana peratusan pelajar yang cenderung terhadap keusahawanan adalah agak tinggi pada semeseter 1 hingga 3, dan kemudiannya meningkat ke tahap yang lebih tinggi pada semester 4 hingga 6, tetapi akhirnya merosot pada semester 7 hingga 9. Penemuan ini seolah-olah menyokong penemuan Ramayah (2005) yang menyatakan bahawa masa yang lebih lama dihabiskan di kampus tidak meningkatkan kecenderungan yang lebih tinggi walaupun pengetahuan perniagaan mereka meningkat. Jelas sekali pihak universiti perlu menangani isu ini

agar peratusan kecenderungan keusahawanan tersebut semakin meningkat yang terhasil daripada semakin banyak pendedahan dan ilmu keusahawanan yang dipelajari di kampus.

Selain itu, Jadual 5 pula menjelaskan bahawa peratusan pelajar yang cenderung terhadap keusahawanan adalah tinggi bagi pelajar yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan berbanding dengan pelajar yang tidak mempunyai pengalaman tersebut. Dapatan ini adalah selari dengan keputusan di Jadual 2 di atas.

JADUAL 5. Kecenderungan keusahawanan mengikut pengalaman perniagaan yang dimiliki

Kecenderungan keusahawanan	Mempunyai pengalaman dalam perniagaan		Jumlah (%)
	Ya	Tidak	
Cenderung	75.6%	62.8%	68.1%
Tak cenderung	24.4%	37.2%	31.9%
Jumlah	41.0%	59.0%	100.0%
	127	183	310

Selanjutnya, hasil ujian *independent sample t-test* di Jadual 6 mendapati hanya 2 pemboleh ubah yang signifikan berbeza iaitu dalam kalangan pelajar yang ibubapa mereka adalah peniaga (*Asymp Sig.* = .014) dan pelajar yang sebelum ini mempunyai pengalaman dalam perniagaan (*Asymp Sig.* = .002). Walaupun dapatan berkaitan faktor ibubapa yang berniaga dilihat berlawanan dengan keputusan di Jadual 2 sebelum ini, namun penemuan ini dilihat menyokong keputusan Kolvereid (1996) dan Krueger (1994) yang

mana pelajar yang mempunyai ibubapa yang berniaga mempunyai min skor kecenderungan keusahawanan yang lebih tinggi berbanding pelajar yang ibubapanya bukan peniaga. Begitu juga dengan faktor pelajar yang berpengalaman dalam perniagaan turut mempunyai min skor kecenderungan keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang tidak berpengalaman dalam perniagaan sebelumnya mengikut Kolvereid (1996) dan Krueger (1994).

JADUAL 6. Keputusan ujian *independent sample t-test* terhadap tahap kecenderungan keusahawanan

Profil Responden	Min/purata Skor	<i>Asymp Sig.</i> (2-sided)
Jantina	Lelaki 3.34 Perempuan 3.35	.962
Pengalaman 1: Ibubapa seorang peniaga	Ya 3.50 Tidak 3.25	.014
Pengalaman 2: Mempunyai pengalaman dalam perniagaan	Ya 3.52 Tidak 3.22	.002
Pengalaman 3: Pernah menghadiri kursus-kursus keusahawanan	Ya 3.37 Tidak 3.31	.560
Pengalaman 4: Pernah bekerja makan gaji sebelum ini	Ya 3.29 Tidak 3.39	.313

Hasil ANOVA dalam panel (a) di Jadual 7 pula menunjukkan bahawa wujud perbezaan tahap kecenderungan keusahawanan yang signifikan di kalangan pelajar dari fakulti yang berbeza (*Asymp Sig.* = .000). Manakala 2 pemboleh ubah lagi iaitu umur pelajar dan bangsa pelajar tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan (*Asymp Sig.* >.05). Ujian *Post-hoc* telah dilakukan ke atas pemboleh ubah fakulti

untuk mengenalpasti fakulti manakah yang berbeza dengan signifikan dalam konteks tahap kecenderungan keusahawanan. Dapatan dalam panel (b) di Jadual 7 menunjukkan bahawa 6 fakulti yang wujud telah di kelompokkan kepada 3 kumpulan kecil di mana pelajar FEP dan pelajar FTSM berada dalam satu kumpulan yang paling tinggi min skor kecenderungan keusahawannya dengan nilai min skornya adalah

JADUAL 7. Hasil ujian ANOVA terhadap tahap kecenderungan keusahawanan

Profil responden		Min/purata skor	<i>Asymp Sig. (2-sided)</i>
Bangsa	Melayu	3.35	.993
	Cina	3.33	
	India	3.33	
	Lain lain	3.27	
Umur	18-20 th	3.43	.492
	21-23 th	3.35	
	24-27 th	3.30	
	28-30 th	2.81	
Fakulti	FEP	3.71	.000
	FST	2.90	
	FKAB	3.27	
	FTSM	3.57	
	FSSK	3.32	
	FPI	3.20	

(a) Duncan^{ab}

FAKULTI	N	<i>Subset for alpha</i>		
		1	2	3
FST	53	2.9031		
FPI	44	3.1970	3.1970	
FKAB	47		3.2752	
FSSK	62		3.3183	
FTSM	22		3.5727	3.5727
FEP	82			3.7122
<i>Sig</i>		.097		.430

3.71 dan 3.57, manakala pelajar FST dan FPI berada dalam kelompok terendah dengan min skor masing-masing adalah 2.90 dan 3.19. Bagaimanapun tahap kecenderungan pelajar FPI dan FTSM tidak berbeza dengan signifikan dengan pelajar fakulti yang lain iaitu FKAB dan FSSK yang berada di kelompok pertengahan.

Faktor-faktor yang mempunyai perhubungan dengan kecenderungan keusahawanan

Selain melihat perhubungan faktor profil pelajar dengan kecenderungan keusahawanan pelajar, analisis kajian ini turut mengambilkira 4 faktor lagi iaitu motivasi pelajar, keyakinan diri pelajar, tanggapan pelajar

terhadap ilmu keusahawanan yang mereka miliki dan tanggapan mereka terhadap persekitaran perniagaan dan sokongan keusahawanan yang wujud.

Memandangkan skala data yang dikutip adalah data interval, maka ujian *Pearson product moment correlation* diaplikasi bagi mengenalpasti kewujudan perhubungan, bentuk hubungan (positif atau negatif) dan kekuatan hubungan antara keempat-empat faktor tersebut dengan tahap kecenderungan keusahawanan pelajar.

Hasil ujian korelasi di Jadual 8 menunjukkan bahawa keempat-empat faktor tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap kecenderungan keusahawanan pelajar. Secara spesifiknya, faktor motivasi mendominasi hubungan

tersebut dengan nilai korelasi Pearson adalah 0.818 yang mana korelasi ini dianggap cukup kuat dan mencukupi bagi menyokong hipotesis (Chu 2011). Ianya diikuti oleh faktor keyakinan diri (0.777), faktor tanggapan terhadap ilmu keusahwanan yang dimiliki

(0.697) dan faktor pandangan terhadap persekitaran dan sokongan keusahwanan (0.672) yang mana ketiga-tiga pemboleh ubah ini hanya berkorelasi pada tahap sederhana dengan kecenderungan keusahwanan.

JADUAL 8. Keputusan ujian *Pearson Product Moment* terhadap tahap kecenderungan keusahwanan

		Purata kecenderungan untuk menjadi usahawan	Purata motivasi keusahwanan untuk menjadi usahawan	Purata keyakinan diri untuk menjadi usahawan	Purata tanggapan terhadap ilmu untuk menjadi usahawan	Purata pandangan terhadap peluang-peluang yg wujud untuk menjadi usahawan
Purata kecenderungan untuk menjadi usahawan	Korelasi Pearson <i>Sig. (2-tailed)</i>	1	0.818** 0.000	0.777** 0.000	0.697** 0.000	0.672** 0.000
	<i>N</i>	310	310	310	310	310
Purata motivasi keusahwanan untuk menjadi usahawan	Korelasi Pearson <i>Sig. (2-tailed)</i>	0.818** 0.000	1	0.848** 0.000	0.694** 0.000	.708** .000
	<i>N</i>	310	310	310	310	310
Purata keyakinan diri untuk menjadi usahawan	Korelasi Pearson <i>Sig. (2-tailed)</i>	0.777** 0.000	0.848** 0.000	1	0.745** 0.000	.729** .000
	<i>N</i>	310	310	310	310	310
Purata tanggapan terhadap ilmu untuk menjadi usahawan	Korelasi Pearson <i>Sig. (2-tailed)</i>	0.697** 0.000	0.694** 0.000	0.745** 0.000	1	.795** .000
	<i>N</i>	310	310	310	310	310
Purata pandangan terhadap peluang-peluang yg wujud untuk menjadi usahawan	Korelasi Pearson <i>Sig. (2-tailed)</i>	0.672** 0.000	0.708** 0.000	0.729** 0.000	0.795** 0.000	1
	<i>N</i>	310	310	310	310	310

** . Korelasi adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus (2-tailed).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara umumnya hasrat untuk mewujudkan pelajar di IPT yang mempunyai kecenderungan keusahwanan adalah tercapai berdasarkan lebih dua per tiga pelajar berkecenderungan terhadap keusahwanan terutama

di kalangan pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Walau bagaimanapun, sedikit kelemahan yang wujud adalah taburan pelajar adalah tidak sama rata mengikut fakulti. Ini kerana masih terdapat beberapa fakulti yang mempunyai taburan bilangan pelajar yang kurang seperti FST di mana tidak sampai separuh dari

pelajarnya mempunyai kecenderungan keusahawanan. Di samping itu, didapati bilangan pelajar yang mempunyai kecenderungan keusahawanan semakin merosot sewaktu semester-semester terakhir pelajar berada di IPT. Hal ini seolah-olah mencerminkan kesan pendedahan terhadap program dan kursus keusahawanan di awal semester mulai luntur di penghujungnya. Justeru, wujud keperluan untuk pihak universiti melihat kembali kandungan, tenaga pengajar dan kaedah pedagogi kursus ini dijalankan bagi menambahbaik lagi hasil pembelajaran kursus bagi program keusahawanan yang dijalankan. Dalam masa yang sama, penglibatan pihak industri atau usahawan untuk turut menyumbang dalam penyampaian ilmu keusahawanan turt dirasakan amat wajar/perlu.

Seterusnya, memandangkan dapatan kajian juga menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara pengalaman perniagaan di kalangan pelajar dan kecenderungan keusahawanan, maka seharusnya pelajar didedahkan dengan perniagaan sebenar. Ini bagi memastikan pengalaman perniagaan sebenar diperolehi oleh para pelajar, sekali gus akan menambahkan minat dan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Manakala dari segi faktor fizikal pula, penyediaan ruang niaga untuk para pelajar mencari pengalaman perniagaan sebenar seharusnya suatu yang tidak boleh dikompromi penyediaannya oleh pihak universiti semasa pelajar masih berada di universiti. Secara langsung, tentunya ia dapat memberikan pengalaman perniagaan serta mengekalkan minat pelajar terhadap keusahawanan hingga ke penghujung semester.

Akhir sekali, pihak universiti juga harus memberikan pendedahan sebanyak mungkin tentang peluang-peluang perniagaan yang wujud di persekitaran di samping sokongan padu daripada pihak kerajaan memandangkan faktor pandangan terhadap peluang yang wujud untuk menjadi usahawan signifikan dalam mempengaruhi kecenderungan keusahawanan. Dalam kata lain, pegawai dari agensi kerajaan, NGO serta pihak swasta yang selama ini menyediakan khidmat sokongan kepada peniaga haruslah dilibatkan dalam pelaksanaan program di peringkat universiti lagi bagi menjamin kecenderungan keusahawanan yang berterusan dalam kalangan pelajar.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusuf. 2003. *Prinsip Keusahwanan*. Prentice Hall: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Aldrich, H. 2000. *Organizations evolving*. Beverly Hills: Sage
- Alvarez, R. D., & Jung, D. 2004. Educational curricula and self-efficacy: Entrepreneurial orientation and new venture intentions among university students in Mexico. Paper presented at IntEnt 2005: Internationalizing entrepreneurship education and training, School of Management, University of Surrey, U.K.
- Banham, H.C. 2000 External Environmental Analysis for Small And Medium Enterprises (SMEs). *Journal of Business & Economics Research* October 8.
- Barringer, B.R. & Ireland, R.D. 2006. *Entrepreneurship: successfully launching new ventures*. Upper Saddle River, NJ : Pearson Prentice Hall.
- Benzing, C., Chu, H.M. & Szabo, B. 2005. Hungarian and Romanian entrepreneurs in Romania – motivation, problems, and differences. *Journal of Global Business* 16: 77-87.
- Boyd, N.G. & Vozikis, G.S. 1994. The influence of self-efficacy on the development of entrepreneurial intentions and actions. *Entrepreneurship Theory and Practice* 18(4): 63-77
- Carland, J.W., Hoy, F., Boulton, W.R. & Carland, J.C. 1984. Differentiating Entrepreneurs from Small Business Owners: A Conceptualization. *Academy of Management Review* 9: 354-359.
- Chu, Orhan, Xiaowei dan Kubilay. 2011. Chinese entrepreneurs: Motivations, success factors, problems, and business-related stress. *Journal of Chinese Entrepreneurship* 3(2): 84-111.
- Christiansen, C. 1997. *The innovators dilemma*. Cambridge: Harvard Business School Press.
- Clercq, D.D., Dimov, D & Thongpapanl, N.T. 2010. The moderating impact of internal social exchange processes on the entrepreneurial orientation–performance relationship. *Journal of Business Venturing* 25(1): 87-103.
- Daft, R.L. 2003. *Management*. Sixth Edition. USA: Thomson Learning South-Western.
- Dahlqvist, J., Davidsson, P. & Wiklund, J. 2000. Initial conditions as predictors of new venture performance: A replication and extension of the Cooper et al. study. *Enterprise and Innovation Management Studies* 1(1): 1-17.
- Davey, T., Plewa, C. & Struwig, M. 2011. Entrepreneurship perceptions and career intentions of international students. *Education & Training* 53(5): 335-352.
- Davidsson, P. 1995. Determinants of Entrepreneurial Intentions. Working Paper presented at RENT IX Workshop, Piacenza, Italy.
- Davidsson, P. & Wiklund, J. 2000. Conceptual and empirical challenges in the study of firm growth. In D. Sexton & H. Landström (Eds.), *The Blackwell Handbook of Entrepreneurship*. Oxford, MA: Blackwell Business. 26-44.
- Douglas, E. & Shepherd, D.A. 2002. Self-employment as a Career Choice: Attitudes, Entrepreneurial Intentions, and Utility Maximization. *Entrepreneurship Theory and Practice* 26(3): 81-90.
- Fayolle, A. & Gailly, B. 2008. From craft to science: Teaching models and learning processes in entrepreneurship education.

- Journal of European Industrial Training* 32(7): 569-593.
- Galloway, L., Anderson, M., Brown, W. & Wilson, L. 2005. *Enterprise skills for economy, education, and training*. Emerald Group Publishing Ltd. 7-17.
- Gibb, A. 2005. *Towards the entrepreneurial university: Entrepreneurship Education as a Lever for Change*. National Council for Graduate Entrepreneurship. www.ncge.org.uk
- Greenberger, D.B. & Sexton, D.L. 1988. An Interactive Model of New Venture Initiation. *Journal of Small Business Management* 26: 1-7.
- Green, F.J. & Saridakis, G. 2007. Understanding the Factors Influencing Graduate Entrepreneurship. Retrieved from http://www.agcas.org.uk/agcas_resources/164-Understanding-the-Factors-Influencing-Graduate-Entrepreneurship
- Hisrich, R.D., Peters, M.P. & Shephard D.A. 2008. *Entrepreneurship*. Boston: McGraw-Hill/Irwin
- Kiumars Zarafshani & Somayeh Rajabi. 2011. Effects of Personality Traits on Entrepreneurial Intentions: An Empirical Study in Iran. *International Journal of Management* 28(3).
- Kolvereid, L. 1996. Organizational Employment versus Self-Employment: Reasons For Career Choice Intentions. *Entrepreneurship Theory and Practice* 20(3): 23-31.
- Kristiansen, S., & Indarti, N. 2004. Entrepreneurial intention among Indonesian and Norwegian students. *Journal of Enterprising Culture* 12(1): 55-78.
- Krueger, N.F. Jr & Brazeal, D.V. 1994. Entrepreneurial potential and potential entrepreneurs. *Entrepreneurship Theory and Practice* 18(3): 91-104.
- Kuratko, D.F. 2003. Entrepreneurship Education: Emerging Trends and Challenges for the 21st Century. Coleman Foundation White Paper Series for the US Association of Small Business and Entrepreneurship.
- Mangkunegara, A.P. 2005. Evaluasi Kinerja Sumber Daya Manusia. Bandung: Refika Aditama. 61-68.
- Marina, Z. Solesvik. 2013. Entrepreneurial motivations and intentions: investigating the role of education major. *Education + Training* 55(3): 253-271.
- Mohd Nor Hidayad, H. 2011. Faktor Bantuan Kerajaan Yang Meningkatkan Kejayaan Usahawan Industri Kecil Dan Sederhana Bumiputera di Sabak Bernam, Selangor. Tesis Ijazah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Moy, J., Luk, V., Sheehan, B. & Sammapan, N. 2001. A comparative study on the perceptions of university business students in Hong Kong and Thailand: Why do they become entrepreneurs. BRC Working papers, [Online] available: <http://http://net2.hkbu.edu.hk/~ied/publications/wp/WP200102.pdf> (May, 21th, 2014).
- Naffziger, D.W., Hornsby, J.S. & Kuratko, D.F. 1994. A Proposed Research Model of Entrepreneurial Motivation. *Entrepreneurship Theory and Practice* 18: 29-42.
- Neck, H.M. & Greene, P.G. 2011. Entrepreneur Education: Known worlds and New Frontier. *Journal of Small Business Management* 49(1): 55-70.
- Nor Aishah Buang. 2002. *Asas Keusahawanan*. Penerbit Fajar Bakti.
- Parnell, J.A., Crandall, W.R. & Menefee, M. 1995. Examining the Impact of Culture on Entrepreneurial Propensity: An Empirical Study of Prospective American and Egyptian Entrepreneurs. *Academy of Entrepreneurship Journal* 1: 39-52.
- Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) (2016-2020). <http://mohe.gov.my/fokus/231-pelan-tindakan-keusahawanan-ipt-2016-2020>
- Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara. Fasa 2 (2011 - 2015). <https://drjj.uitm.edu.my/DRJJ/OBE%20FSG%20Dec07/OBEJan2010/MOHE-2011-2015-psptn-fasa2.pdf>
- Ramayah, T. & Harun, Z. (2005). Entrepreneurial Intention among the Students of Universiti Sains Malaysia (USM). *International Journal of Management and Entrepreneurship* 1(1): 8-20.
- Ronstadt, R. 1985. The Educated Entrepreneur: A New Era of Entrepreneurial Education is Beginning. *American Journal of Small Business* 10: 7-23.
- Shamsul Hana Abd Rani. 2012. A Study of Relationship Between Family Support, Role Model And Financial Support Towards Entrepreneurial Inclination Among UUM Non-Business Students. Unpublished Master Thesis. Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Shane, S., Locke, E.A. & Collins, C.J. 2012. Entrepreneurial motivation. *Human Resource Management Review* 13(2): 257-279.
- Shane, S. & Vekataraman, S. 2000. *The Promise Of Entrepreneurship As A Field Of Research*, Academy of Management Review 25(1): 217-226.
- Syarifah Rohaya Wan Idris, Yusman Yacob, Frank Meol Abdullah, Mohd Suandi Hj Mortadza & Mohd Haswardi Hj Morshidi. 2013 Pengurusan Perniagaan Kedai Runcit Koperasi Di Negeri Sarawak, Proceedings Of The 3rd. International Management Education Conference 2013 (Imec2013): 48-55.
- Shay, J. & Terjensen, S. 2005. Entrepreneurial aspirations and intentions of business students: A gendered perspective. Paper presented at the Babson Entrepreneurship Conference, Boston, MA.
- Scherer, R.F., Adams, J.S., Carley, S. & Wiebe, F.A. 1989. Role Model Performance Effects on Development of Entrepreneurial Career Preference. *Entrepreneurship: Theory & Practice* 13(3): 53-71.
- Siti Nor Wardatulaina Mohd Yusof. 2011. Success factors in Entrepreneurship: The Case Study of Malaysia, Pilot Research Work (Phd Thesis), Department D'Economia De L'Empresa, Universitat Autònoma de Barcelona.
- Tan, W.L., Siew, L.K., Tan, W.H. & Wong, S.C. 1995. Entrepreneurial Spirit Among Tertiary Students in Singapore. *Journal of Enterprising Culture* 3(2): 211-227.

- Turker, D. & Selcuk, S.S. 2009. Which Factors Affect Entrepreneurial intention of University Students? *Journal of European Industrial Training* 33(2):142-159.
- Vyakarnam, S. 2005. Embedding entrepreneurship education at the university level. Center for Entrepreneurial Learning. Judge Business School, University of Cambridge.
- Wang, C., Walker, E.A. & Redmond, J. L. 2007. Explaining the lack of strategic planning in SMEs: The importance of owner motivation. *International Journal of Organisational Behaviour* 12(1): 1-16.
- Wang, C.K. & Wong, P.K. 2004. Entrepreneurial interest of university students in Singapore. *Technovation* 24(2): 163-172.
- Yap Poh Moi. 2002. Kesiediaan guru-guru perdagangan terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zhao, H., Seibert, S.E. & Hills, G.E. 2005. The mediating role of self-efficacy in the development of entrepreneurial intentions. *Journal of Applied Psychology* 90(2): 1265-1272.

Norain Mod Asri*, Mhd Suhaimi Ahmad & Md Daud Ismail
 Fakulti Ekonomi & Pengurusan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: norain@ukm.edu.my

Diserahkan: 3 Mei 2019

Diterima: 3 Mei 2019